



SURUHANJAYA Persaingan Malaysia mengadakan kajian pasaran ayam bagi memastikan perkembangan sihat industri ternakan itu. - GAMBAR HIASAN

# MyCC jalankan kajian mengenai pasaran ayam

KUALA LUMPUR 16 Julai - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam proses untuk berunding dengan pemain industri dan khalayak umum mengenai hasil kajian pasaran ayam yang dijalankan MyCC.

Kajian pasaran ayam merupakan kajian pertama MyCC sejak Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan bermula tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Siti Norma Yaakob berkata, rundingan tersebut akan dijalankan sehingga 29 Ogos depan.

Malah, katanya, pelbagai pihak dipelawa menyertai rundingan kajian yang dijalankan MyCC bagi mendapatkan input yang ter-

baik.

"Kajian kami telah pun siap dan telah dimuatnaik dalam laman sesawang MyCC.

"Kini, kami membuka sesiapa sahaja termasuk para industri ternakan ayam untuk memberi pandangan dan maklum balas mengenai hasil kajian itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran Akta Persaingan 2010: Buku Panduan Untuk Khalayak di sini hari ini.

Majlis itu dilancarkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Tan Lian Hoe yang

mewakili Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sementara itu, Lian Hoe berkata, sejak Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan pada tahun ini, MyCC telah menerima beberapa aduan salah laku.

Bagaimanapun, katanya, MyCC dan kerajaan perlu berlaku adil kepada semua pihak termasuk memberi peluang penjelasan daripada pemain industri.

"Salah satu kes yang masih dalam rundingan dan siasatan MyCC adalah harga tiket penerangan, industri ternakan dan beberapa lagi," ujarnya.